

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 22/6/2013       |

MANUSIA & PERISTIWA

# Miko pejuang keamanan Palestin

Oleh NIZAM YATIM  
pengarang@utusan.com.my

**M**ASIH adakah harapan untuk membawa keamanan di bumi Palestin yang kini dijajah oleh rejim Israel?

Jawapannya adalah ya, jika semua pihak melaksanakan segala saranan yang diutarakan oleh aktivis keamanan dan penulis berbangsa Yahudi, Miko Peled.

Dalam syarahannya bertajuk *Beyond Zionism - Hope for Peace in Palestine* anjuran Viva Palestina Malaysia di Universiti Malaya (UM) baru-baru ini, Miko, 52, menceritakan bagaimana beliau terdetik untuk mempersoal kembali ideologi Zionis yang dipegangnya.

Kesedaran berkenaan timbul setelah jurulatih karate itu dikejutkan dengan kematian anak saudaranya, Smadar Elhanan, 14, dalam satu kejadian serangan pembomb berani mati di Ben Yehuda Street, tengah Jerusalem pada 1997.


Beliau hairan kerana kakaknya, Nurit Peled Elhanan yang merupakan seorang pensyarah di Hebrew University of Jerusalem langsung tidak menyalahkan tiga pembomb berani mati daripada pergerakan Hamas yang terlibat dalam serangan itu sebaliknya menyalahkan kerajaan Israel ekoran tragedi itu.

Nurit menyifatkan selagi mana penduduk Palestin dinafikan hak untuk mendapat keamanan, harapan, rumah, air dan tanah, semua pihak akan menyaksikan tragedi kematian seperti itu terus berterusan.

"Membalas dendam tidak akan menyelesaikan masalah dan saya sadra bahawa seorang ibu yang sejati tidak akan mahu kejadian yang dahsyat ini berlaku kepada seorang ibu lain walaupun mereka wanita Arab Palestin," tegas Nurit.

Hairan dengan sikap kakaknya itu, Miko telah melawat kem-kem pelarian yang menempatkan lebih 800,000 orang Arab Palestin dan beliau cukup terkejut apabila mendapati mereka tidak mendapat bekalan makanan dan perubahan mencukupi.

Miko Peled (kiri) bersama-sama anaknya Eitan meninjau tembok konkrit memisahkan pelarian Palestin dengan penduduk Israel yang terletak berdekatan Kem Pelarian Deheishe.



Katanya, diskriminasi yang dialami oleh orang Arab Palestin adalah jelas apabila orang Yahudi sahaja yang diberikan kemudahan jalan raya, kediaman berpagar, sekolah, kompleks beli-belah, air bersih, bekalan elektrik dan bantuan perubatan sedangkan mereka menetap di tanah yang dirampas daripada orang Palestin.

"Diskriminasi terhadap penduduk Palestin adalah seperti yang dilakukan oleh rejim apartheid di Afrika Selatan yang tidak lagi wujud sekarang," ujarnya.

Perubahan sikap Miko itu, memberi tamparan hebat kepada rejim Israel memandang latar belakang beliau daripada keluarga elit tentera dan mereka yang mengasaskan pembentukan negara itu.

Datuk sebelah ayahnya, Dr. Avraham Katsnelson adalah pemimpin Zionis yang telah menandatangani Pengisytiharan Kemerdekaan Israel pada 1948.

Miko yang dilahir dan dibesarkan di Jerusalem pernah berkhidmat sebagai anggota komando Pasukan Pertahanan Israel (IDF) dan telah terbabit dalam operasi memerangi orang Arab Palestin, tindakan yang masih dikesalkan sehingga ke hari ini.

Beliau kini menetap di bandar perangan Coronado, California, Amerika Syarikat (AS) bersama-sama isterinya yang juga pakar terapi akupunktur, Gila yang dikahwini sejak 29 tahun lalu dan tiga anaknya.

Bagaimanapun, antara individu yang sudah pasti akan gembira dengan perubahan sikap Miko adalah bapanya, Matti Peled yang meninggal dunia pada 1995.

Beliau adalah jeneral tentera Israel yang terlibat secara aktif dalam membuat serangan terhadap tentera

Arab dalam Perang Enam Hari pada 1967 yang menyaksikan Israel menawan Tebing Barat, Gaza, Bukit Golan dan Semenanjung Sinai.

Dalam bukunya, *The General's Son: Journey of an Israeli in Palestine*, Miko menceritakan bagaimana bapanya berubah daripada seorang pendokong ideologi Zionis tegar kepada aktivis keamanan yang mahukan Israel berundur daripada wilayah yang ditaklukinya dalam perang 1967.

Bapanya telah mengambil inisiatif untuk memulakan rundingan damai secara tidak rasmi dengan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan telah bertemu dengan wakil bekas Pengerusi pertubuhan itu, Yasser Arafat.

Sikap sama juga dikongsi oleh ibunya, Zika Peled yang telah dilahir dan dibesarkan di wilayah Palestin yang dijajah oleh Israel.

Miko menceritakan bagaimana ibunya menolak untuk tinggal di rumah yang telah dirampas kerajaan dalam perang 1948 di Jerusalem



MIKO PELED



SMADAR ELHANAN

MIKO Peled (kiri) bersama-sama bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam satu majlis di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, baru-baru ini.



MIKO Peled (dua dari kanan) yang mempunyai tali pinggang hitam karate tahap enam bersama-sama pelajar yang dilatihnya di Kem pelarian Palestin di Anata.